



**Manuscript Title:** Hubung Kait Penglibatan di Pusat Aktiviti Remaja dengan Kemakmuran

**Authors:** Nur Ashikin Sobri, Intan H.M. Hashim & Taufik Mohammad

**Accepted Date:** 20-August-2022

**Please cite this article as:** Nur Ashikin Sobri, Intan H.M. Hashim and Taufik Mohammad. 2022. Hubung Kait Penglibatan di Pusat Aktiviti Remaja dengan Kemakmuran. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

*Kajian Malaysia (early view)*

**HUBUNG KAIT PENGLIBATAN DI PUSAT AKTIVITI REMAJA  
DENGAN KEMAKMURAN**

***RELATIONSHIP OF PARTICIPATION IN ADOLESCENT ACTIVITY  
CENTRE WITH FLOURISHING***

Nur Ashikin Sobri, Intan H.M. Hashim\* and Taufik Mohammad

School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang,  
MALAYSIA

Corresponding author: hashimah@usm.my

**ABSTRACT**

*Adolescence is an important transitional phase in a life span but limited studies have focused on positive experiences of adolescences like flourishing in Malaysia. This study examines how adolescent involvement in an after-school youth activity center can contribute to flourishing. Focusing on Kafe@TEEN in Penang, this study looks at the link between adolescent' involvement in creative activities and social connectedness can contribute to flourishing. A total of 132 adolescents who were the members of the Kafe@TEEN youth activity center in Penang, aged 13 to 18 years old took part in this study. They were selected based on purposive sampling. A questionnaire consisting of five sections namely demographic information, involvement in Kafe@TEEN, involvement in creative activities, social connectedness and flourishing was distributed to the participants. The findings of this study indicate that there is a significant relationship between adolescent involvement in Kafe@TEEN and social connectedness and flourishing. However, there is no significant relationship between creative activities and flourishing. The findings of the study show the importance of involvement in the youth activity center outside of school hours such as the Kafe@TEEN youth activity center to flourishing. The study also highlights the clearer and more specific role of involvement in leisure activities outside of school hours in contributing to flourishing. Adolescents should be encouraged to be more involved in leisure activities outside school hours, especially at youth activity centers such as Kafe@TEEN in order to increase their flourishing. Parental encouragement and government initiatives to increase the number of such youth activity centers are also required. More research in the future, needs to be conducted to look at how other factors such as social entrepreneurship, can*

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2022. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

*contribute to the flourishing of adolescents, especially in the context of activities outside of school hours.*

**Keywords:** adolescents, flourishing, adolescents' centres, creative activities, social connectedness

## **ABSTRAK**

*Zaman remaja merupakan fasa peralihan yang penting dalam perkembangan kehidupan tetapi belum banyak kajian melibatkan pengalaman positif seperti kemakmuran dijalankan di Malaysia. Kajian ini meneliti bagaimana penglibatan remaja di pusat aktiviti remaja luar-waktu-persekolahan boleh menyumbang kepada kemakmuran mereka. Berfokuskan kepada Kafe@TEEN di Pulau Pinang, kajian ini melihat hubung kait antara penglibatan remaja dalam aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial boleh menyumbang kepada kemakmuran. Seramai 132 orang remaja yang merupakan ahli Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN, Pulau Pinang berumur 13 sehingga 18 tahun telah terlibat dalam kajian ini. Mereka dipilih berdasarkan pensampelan bertujuan. Soal selidik yang terdiri daripada lima bahagian iaitu maklumat demografi, penglibatan di Kafe@TEEN, penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kreatif, keterikatan sosial dan kemakmuran telah diedarkan kepada peserta kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan remaja di Kafe@TEEN dan keterikatan sosial dengan kemakmuran. Walaubagaimanapun, tiada hubungan yang signifikan antara aktiviti-aktiviti kreatif dan kemakmuran. Dapatan kajian menunjukkan kepentingan penglibatan dalam Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan seperti Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN kepada kemakmuran. Kajian ini juga menonjolkan peranan penglibatan aktiviti masa senggang di luar waktu persekolahan yang lebih jelas dan spesifik kepada kemakmuran. Golongan remaja haruslah digalakkan untuk lebih terlibat dalam aktiviti masa senggang di luar waktu persekolahan khususnya di Pusat aktiviti remaja seperti Kafe@TEEN bagi meningkatkan kemakmuran mereka. Dorongan ibu bapa dan inisiatif pihak kerajaan untuk memperbanyakkan Pusat aktiviti remaja seumpama ini juga diperlukan. Lebih banyak kajian pada masa akan datang, perlu dijalankan bagi melihat bagaimana lain-lain faktor seperti keusahawanan sosial, dapat menyumbang kepada kemakmuran golongan remaja, khususnya dalam konteks aktiviti di luar waktu persekolahan.*

**Kata kunci:** remaja, kemakmuran, Pusat aktiviti remaja, aktiviti-aktiviti kreatif, keterikatan sosial

## **PENDAHULUAN**

Kemakmuran merujuk kepada rangkuman kepelbagaian konstruk psikologi positif dan ia menawarkan perspektif yang lebih meluas dalam mendefinisikan apa yang dimaksudkan untuk berasa baik dan gembira (Seligman, 2011). Kemakmuran merupakan terjemahan dari perkataan *flourishing*. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, *flourishing* boleh diterjemahkan kepada kedua-dua perkataan makmur atau berkembang maju. Dalam konteks manuskrip ini, perkataan kemakmuran adalah lebih tepat dalam menggambarkan konsep *flourishing* dalam konteks kajian ini. Oleh yang demikian, terma kemakmuran digunakan dalam artikel ini.

Kemakmuran juga adalah suatu definisi yang lebih meluas berbanding definisi mudah kebahagiaan atau kesejahteraan. Kemakmuran bukan bermaksud kesejahteraan semata-mata. Sebaliknya ia membawa maksud yang lebih meluas serta mempunyai kaitan dengan kesejahteraan edaimonik. Terdapat beberapa pendekatan yang melihat kepada kemakmuran termasuklah Seligman (2011), Keyes (2002), Huppert dan So (2009), dan Diener et.al (2009). Walaupun setiap pendekatan ini mempunyai kekuatan dan fokusnya yang tersendiri, kajian ini membincangkan konsep kemakmuran yang diutarakan oleh Martin Seligman melalui teori kesejahteraan (*well-being theory*). Hal ini kerana teori kesejahteraan Seligman (2011) merupakan satu model yang komprehensif dan telah diadaptasi dan dikembangkan khusus kepada golongan remaja oleh Kern et al. (2016). Ianya adalah seiring dengan skop kajian ini yang mengkaji kemakmuran dalam kalangan remaja.

Menurut teori kesejahteraan PERMA yang dicadangkan oleh Seligman (2011), terdapat lima elemen utama dalam kemakmuran iaitu emosi yang positif, penglibatan, hubungan yang baik, makna dan pencapaian. Teori ini mencadangkan bahawa kemakmuran adalah hasil daripada perhatian penuh yang diberikan dalam usaha membina dan mengekalkan aspek-aspek model PERMA. Setiap elemen dalam model PERMA menyumbang kepada kesejahteraan namun tidak mentafsirkan kesejahteraan. Peningkatan aplikasi elemen-elemen ini akan meningkatkan kesejahteraan seterusnya meningkatkan kemakmuran. Sebagai contoh, apabila individu tersebut berjaya mencapai matlamat yang disasarkan (pencapaian), mempunyai hubungan yang baik dengan orang yang sekeliling (hubungan yang baik) dan sering melibatkan diri dalam aktiviti kebajikan yang digemari (makna) perkara ini akan meningkatkan kemakmuran individu tersebut. Kebanyakan konsep teori kesejahteraan adalah selari (*interchangeable*) dengan konsep kemakmuran (Witten et al., 2019).

Zaman remaja merupakan fasa peralihan daripada zaman kanak-kanak dan mereka cenderung untuk mencuba sesuatu yang baru (Yahya et al., 2006). Kebanyakan kajian tentang remaja di Malaysia pada masa ini lebih berfokus kepada pengalaman negatif seperti keterlibatan remaja dengan masalah sosial (Abu Bakar & Hamzah, 2019), buli siber (Shaari & Kamaluddin, 2019), kesan ketagihan skrin media sosial (Noor Din & Isam, 2019), pergaulan bebas (Ashaari, 2019) dan kemurungan dan cubaan bunuh diri (Abdul Kadir et al., 2018). Lebih banyak kajian perlu dijalankan tentang aspek positif remaja di Malaysia, termasuk tahap kemakmuran mereka. Berdasarkan Indeks Belia Malaysia (2015) dan Indeks Belia Malaysia (2016), tahap kemakmuran remaja di Malaysia (15 hingga 18 tahun) berada pada tahap sederhana. Sehubungan itu, lebih banyak kajian perlu dijalankan dalam usaha memahami langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan kemakmuran di kalangan remaja di Malaysia. Kajian-kajian mengenai kemakmuran di kalangan remaja lebih banyak dijalankan di luar negara berbanding di dalam negara. Kesejahteraan remaja juga sangat bergantung kepada pengalaman positif yang mereka alami (Witten et al., 2019). Lebih banyak pengalaman positif dalam kehidupan, lebih tinggi tahap kesejahteraan seseorang. Penglibatan dalam aktiviti masa senggang berpotensi menimbulkan lebih banyak pengalaman positif kepada remaja dan dengan itu perlu dikaji. Kajian ini penting kerana ianya dapat menyumbang kepada kefahaman tentang pengalaman positif remaja seperti kemakmuran dan faktor yang boleh menyumbang ke arah ini.

Beberapa faktor yang berpotensi menyumbang ke arah peningkatan kemakmuran di kalangan remaja telah dikenalpasti. Antaranya ialah aktiviti masa senggang, aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial. Ahmad Sokhaily dan Ahmad (2019), menyatakan aktiviti masa senggang ialah aktiviti yang melibatkan hobi dan di luar persekolahan. Kajian-kajian lepas mendapati bahawa penglibatan remaja dalam aktiviti masa senggang meningkatkan kemakmuran atau dengan erti kata lain semakin tinggi penglibatan remaja dalam aktiviti masa senggang semakin makmur remaja tersebut. Dalam kajian ini, aktiviti masa senggang yang dikaji fokus kepada penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan iaitu Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN. Kajian ini penting kerana ianya dapat meningkatkan kefahaman bagaimana penglibatan remaja dalam aktiviti masa senggang dapat menyumbang kepada kemakmuran mereka.

Dalam konteks aktiviti masa senggang itu sendiri, terdapat dua cara bagaimana ianya boleh menyumbang kepada kemakmuran. Pertamanya ialah dari segi jenis aktiviti yang diceburi semasa aktiviti masa senggang. Aktiviti berbentuk kreatif berpotensi menyumbang kepada kemakmuran. Ianya boleh menimbulkan emosi positif dan seterusnya menyumbang kepada kemakmuran. Hal ini selari dengan teori kesejahteraan PERMA yang dibincangkan sebelum ini. Sementara itu, Conner et al. (2016) pula mendapati terdapat hubungan yang signifikan di

antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran. Contoh aktiviti-aktiviti kreatif yang dimaksudkan ialah seperti aktiviti melukis/melakar, mewarna, mereka cipta, mencuba resepi masakan yang baru dan membuat persembahan muzikal. Keterlibatan remaja dengan aktiviti-aktiviti kreatif ini menyumbang kepada peningkatan emosi yang positif yang membawa kepada peningkatan kemakmuran individu. Dalam konteks kajian ini, aktiviti masa senggang yang membolehkan remaja melibatkan diri dalam aktiviti kreatif seperti penglibatan di Cafe@teen berpotensi meningkatkan kemakmuran. Kajian ini penting kerana ianya mengenal pasti bagaimana penglibatan aktiviti kreatif masa senggang yang dapat menyumbang kepada kemakmuran remaja.

Aktiviti masa senggang juga berpotensi meningkatkan kemakmuran sekiranya ianya memberi peluang untuk remaja membina keterikatan sosial. Keterikatan sosial merujuk kepada sejauh mana individu merasakan diri mereka dekat atau terkait dengan orang lain (Lee & Robbins, 1995). Eraslan-Capan (2016), di dalam kajiannya mendapati bahawa keterikatan sosial merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kemakmuran. Potensi aktiviti masa senggang, aktiviti-aktiviti kreatif dan keterikatan sosial dalam menyumbang kepada kemakmuran remaja diteliti dalam kajian ini.

Bagi memahami secara lebih spesifik mengenai bagaimana faktor-faktor yang dibincangkan di atas menyumbang kepada kemakmuran, satu kajian yang berfokuskan kepada Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN di Pulau Pinang dijalankan. Pusat remaja Kafe@TEEN merupakan pusat interaktif remaja atau pusat transit selepas tamat waktu persekolahan yang telah ditubuhkan pada November 2005 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2014). Ianya bertujuan membantu remaja meningkatkan tahap kesihatan fizikal, mental dan sosial di samping menyemai nilai murni dan sifat positif dalam diri mereka. Pusat aktiviti remaja ini dipilih sebagai fokus kajian kerana ianya dikhususkan untuk golongan remaja, memberi peluang kepada remaja melakukan aktiviti-aktiviti kreatif semasa penglibatan remaja di pusat tersebut dan turut memberi peluang kepada remaja untuk berinteraksi dengan rakan-rakan lain yang turut mengunjungi pusat tersebut. Di samping itu, memandangkan Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN adalah satu institusi remaja yang besar dan menjadi satu tumpuan aktiviti remaja di lokasi-lokasi tertentu, Kafe@TEEN adalah satu platform terbaik untuk menguji teori-teori kesejahteraan remaja. Selain dari itu, populariti Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN sebagai pusat aktiviti remaja memberikan implikasi bahawa satu kajian penilaian harus dibuat bagi tujuan penambahbaikan dan sebagainya. Statistik keberkesanan Kafe@TEEN dalam membantu perkembangan remaja belum pernah dikaji sejak ditubuhkan mengukuhkan pemilihan Kafe@TEEN sebagai tempat kajian.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian terbahagi kepada beberapa perkara. Pertamanya kajian ini meneliti hubung kait di antara tiga pembolehubah utama iaitu penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan, penglibatan remaja dalam aktiviti-aktiviti kreatif di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan dan keterikatan sosial dengan kemakmuran mereka. Selain daripada hubungan terus, kajian ini juga meneliti bagaimana penglibatan remaja dalam aktiviti-aktiviti kreatif di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan dan keterikatan sosial boleh memainkan peranan sebagai pengantara di antara penglibatan penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan dengan kemakmuran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan pendekatan tinjauan. Soal selidik diedarkan kepada peserta untuk dijawab.

### **Lokasi**

Pengumpulan data dilakukan di dua buah cawangan Kafe@TEEN di Pulau Pinang iaitu Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN Bertam dan Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN, Jalan Burmah.

### **Populasi dan Sampel**

Populasi kajian ialah remaja yang terlibat dalam Pusat aktiviti remaja dari pelbagai latar belakang. Sampel kajian ini ialah remaja yang mendaftar sebagai ahli di 2 cawangan Kafe@TEEN berkaitan, berumur antara 13 tahun dan 18 tahun serta hadir pada hari pengumpulan data. Melalui beberapa siri lawatan, 132 peserta yang menepati kriteria yang ditetapkan telah mengambil bahagian dengan menjawab soal selidik yang diedarkan.

### **Instrumen**

Soal selidik kajian ini mengandungi 5 bahagian berikut:

#### ***Demografi***

Bahagian A mengandungi soalan-soalan berkaitan demografi atau latar belakang responden seperti jantina, kaum, umur, tahap pendidikan, dan bagaimana responden menjadi atau mendaftar sebagai sahabat Kafe@TEEN, Pulau Pinang.

### ***Penglibatan remaja di Kafe@TEEN, Pulau Pinang***

Bahagian B mengukur penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN di Pulau Pinang melalui tempoh dan jumlah masa yang mereka habiskan di pusat tersebut. Terdapat lima soalan yang dikemukakan di bahagian ini. Soalan pertama ialah berkaitan tempoh masa menjadi sahabat Kafe@TEEN. Soalan kedua memfokus kepada jumlah masa/hari remaja berkunjung ke Kafe@TEEN, Pulau Pinang. Masa diukur dalam bentuk jam dan jumlah hari dibahagikan kepada purata seminggu dan sebulan. Jawapan untuk bahagian ini memberi gambaran tahap penglibatan remaja dalam bentuk jam/sehari, hari/seminggu dan hari/sebulan.

### ***Aktiviti-aktiviti kreatif***

Bahagian C bertujuan mengukur kekerapan responden dalam melakukan aktiviti-aktiviti kreatif di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN mengikut senarai yang dikemukakan. Antara aktiviti-aktiviti kreatif yang disenaraikan ialah melukis/melakar, mewarna, mereka cipta, mencuba resepi masakan yang baru, membuat persembahan dan lain-lain. Senarai dibentuk berdasarkan senarai yang dibangunkan oleh Conner et al. (2016) dan disesuaikan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Pusat aktiviti remaja tersebut. Responden diminta melaporkan kekerapan mereka melakukan aktiviti-aktiviti kreatif yang disenaraikan.

### ***Keterikatan sosial***

Bahagian D soal selidik ini mengukur keterikatan sosial menggunakan The Social Connectedness Scale-Revised oleh Lee dan Robbins (1995) dan mempunyai 8 item. Soal selidik ini telah diterjemah kepada Bahasa Malaysia menggunakan teknik “back translation” atau terjemahan kembali. Tahap Kebolehpercayaan soal selidik The Social Connectedness Scale-Revised ini tinggi iaitu 0.92 dan jumlah item yang sesuai menjadi justifikasi ianya dipilih untuk digunakan dalam kajian ini.

### ***Kemakmuran***

Kemakmuran diukur dengan mengadaptasi soal selidik The EPOCH Measure of Adolescent Well-being yang diasaskan oleh Kern et al. (2016). Ianya digunakan kerana selari dengan teori kesejahteraan PERMA oleh Seligman (2011) yang



digunakan dalam kajian ini. Item ini mengandungi 20 soalan yang diukur berdasarkan lima dimensi kemakmuran sebagaimana yang dicadangkan oleh model PERMA iaitu penglibatan (*engagement*), ketabahan (*perseverance*), optimis (*optimism*), keterikatan (*connectedness*) dan kebahagiaan (*happiness*). Penglibatan merujuk kepada sejauh manakah peserta menikmati dan memberi sepenuh tumpuan dan perhatian semasa melakukan sesuatu aktiviti (contoh soalan: “Saya menikmati aktiviti yang dilakukan sehingga tidak menyedari peredaran masa”). Ketabahan pula merujuk kepada ketabahan remaja dalam mencapai matlamat hidup dengan mengharungi pelbagai cabaran (contoh soalan: “Saya akan selesaikan apa yang dimulakan”). Optimis menilai sejauh mana remaja melihat masa hadapan mereka dalam cara yang positif (contoh soalan: “Saya optimis akan masa depan saya”). Remaja yang merasakan diri mereka disayangi, dihargai dan mempunyai sokongan menjelaskan ciri keterikatan (contoh soalan: “Terdapat orang di sekeliling untuk saya berkongsi berita baik”). Akhir sekali ialah kebahagiaan di mana ia melihat sejauh manakah remaja berasa gembira, ceria dan melihat kehidupannya sebagai bermakna (contoh soalan: “Saya berasa gembira”). Dari segi ukuran, skala Likert 5 mata telah digunakan iaitu daripada skala 1= tidak pernah, 2=kadang-kadang, 3=sederhana, 4=kerap dan 5=sangat kerap. Soal selidik ini turut diterjemah kepada versi Bahasa Malaysia menggunakan teknik terjemahan kembali. Soal selidik ini menjadi pilihan bagi kajian ini kerana ianya dibentuk khas bagi golongan remaja dan ianya seiring dengan objektif kajian ini.

### **Prosedur Kajian**

Proses pengumpulan data dilakukan dalam beberapa siri lawatan ke Kafe@TEEN di cawangan Bertam dan Jalan Burmah. Proses lawatan dilakukan semasa cuti persekolahan untuk mendapatkan jumlah penglibatan yang lebih tinggi. Pengkaji mengenal pasti mereka yang memenuhi kriteria kajian dan penerangan awal mengenai kajian diberikan kepada mereka ini.

Bagi mereka yang bersetuju mengambil bahagian dan berusia 18 tahun ke atas, mereka boleh terus menjawab soal selidik yang diedarkan. Bagi mereka yang bersetuju mengambil bahagian tetapi berusia 18 tahun ke bawah, borang keizinan ibu bapa diberikan terlebih dahulu untuk di bawa pulang ke rumah sebelum mereka boleh melibatkan diri dalam kajian ini. Hanya mereka yang telah mendapat keizinan ibu bapa dibenarkan menjawab soal selidik pada hari berikutnya.

Sebelum menjawab, setiap peserta diberi penerangan yang lebih terperinci mengenai kajian yang dijalankan. Mereka diberikan masa antara 10 sehingga 15 minit untuk menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Peserta dibenarkan untuk bertanya sebarang soalan dan kemusykilan kepada pengkaji semasa

menjawab soal selidik yang diberikan. Borang soal selidik dikumpul oleh pengkaji setelah peserta selesai menjawab. Cenderahati diberikan sebagai tanda penghargaan kepada peserta.

### **KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN DATA**

Bagi kajian ini, item soal selidik yang digunakan telah diadaptasi daripada soal selidik yang telah dibuktikan sahih iaitu daripada Lee dan Robbins (1995) dan Kern et al. (2016). Bagi terjemahan soal selidik kepakaran dua orang guru Bahasa Inggeris telah digunakan bagi memastikan struktur bahasa dan ayat yang digunakan adalah tepat dan betul serta mudah difahami.

Kebolehpercayaan instrumen ini telah dianalisis berdasarkan ujian Alpa Cronbach menggunakan perisian IBM Statistik. Alpha Cronbach berfungsi untuk mengukur ketekalan dalaman, di mana ianya mengukur kaitan antara satu item dengan item yang lain di dalam sesuatu bahagian. Soal selidik kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu dengan nilai pekali Alpha Cronbach 0.94. Analisis Alpha Cronbach bagi bahagian E didapati tinggi dengan nilai 0.92. Manakala, nilai pekali alpha Cronbach bagi bahagian D adalah baik dengan nilai 0.83. Jadual 1 di bawah menunjukkan analisis Alpha Cronbach bagi kajian ini.

Jadual 1: Analisis Alpha Cronbach

Bahagian	Jenis item	Bilangan item	Nilai Pekali Alpha Cronbach
D	Keterikatan sosial	8	0.83
E	Kemakmuran	20	0.92
Nilai keseluruhan			0.94

### **ANALISIS DATA**

Analisa data menggunakan kaedah korelasi untuk melihat hubung kait antara pemboleh ubah dan menggunakan ujian pengantara untuk melihat peranan pengantara penglibatan dalam aktiviti kreatif di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan dan keterikatan sosial dengan kemakmuran

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Tahap Penglibatan Remaja di Pusat Aktiviti Remaja Luar Waktu Persekolahan dan Kemakmuran

Jadual 2 di bawah menunjukkan tahap penglibatan remaja di luar waktu persekolahan dan tahap kemakmuran.

Jadual 2: Tahap penglibatan remaja di luar waktu persekolahan dan tahap kemakmuran

Pemboleh ubah	Min	Sisihan piawai	Tahap
Penglibatan remaja di luar waktu persekolahan	470.55	983.92	Rendah
Kemakmuran	3.62	.60	Sederhana

Hasil analisis menunjukkan penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan (pemboleh ubah tidak bersandar) berada pada tahap rendah (min = 470.55, sisihan piawai = 983.92). Manakala, hasil analisis bagi pemboleh ubah bersandar kajian ini iaitu kemakmuran berada pada tahap sederhana (min = 3.62, sisihan piawai = .60).

### Hubungan antara Penglibatan di Pusat Aktiviti Remaja Luar Waktu Persekolahan dengan Kemakmuran

Jadual 3 di bawah menunjukkan analisis kolerasi antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran.

Jadual 3: Analisis Kolerasi Antara Penglibatan Remaja di Pusat aktiviti remaja Luar waktu persekolahan yang Berfokuskan Satu Kajian Kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan Kemakmuran

Kolerasi	<i>r</i>	<i>p</i>
Penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan dengan kemakmuran	0.176*	0.04

Nota: \* Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.05

Hasil analisis kolerasi antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran didapati adalah positif, rendah ( $r = 0.176$ ) dan signifikan ( $p < 0.05$ ). Hubungan yang positif di antara kedua-dua pemboleh ubah ini menjelaskan bahawa apabila semakin tinggi penglibatan remaja sebagai sahabat Kafe@TEEN, semakin makmur remaja tersebut. Dapatan kajian ini konsisten dengan kajian-kajian lepas yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara aktiviti masa senggang dengan kesejahteraan remaja (Ahmad, Ahmad dan Awang, 2019; White et al., 2018; Ahmad Sokhaily dan Ahmad, 2019; Badura et al., 2018).

Menurut Ahmad et al. (2019), pelajar dalam kajian mereka berasa puas apabila mendapat peluang melakukan aktiviti masa senggang yang disukai lantas ianya menyumbang kepada kesejahteraan sosial mereka. Hal ini menunjukkan bahawa penglibatan aktiviti masa senggang yang dilakukan berdasarkan kesukaan atau kerelaan seseorang berperanan menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran seseorang. White et al. (2018) pula menjalankan satu kajian di Australia dalam kalangan pelajar sekolah dengan melihat hubungan antara aktiviti masa senggang dengan kesejahteraan afektif. Aktiviti masa senggang telah dibahagikan kepada dua iaitu aktiviti masa senggang yang tidak melibatkan sekolah dan aktiviti masa senggang yang melibatkan aktiviti di sekolah. Dapatan kajian mereka mendapati bahawa aktiviti masa senggang yang mengecualikan penglibatan di sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesejahteraan manakala aktiviti masa senggang yang melibatkan sekolah tidak mempunyai hubungan yang signifikan kepada kesejahteraan afektif. Hal ini menunjukkan bahawa kepentingan aktiviti masa senggang luar persekolahan lebih berpotensi menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran berbanding aktiviti masa senggang dalam persekolahan.

Ahmad Sokhaily dan Ahmad (2019) yang menjalankan kajian kepada pelajar tingkatan 4 di Sarawak mendapati bahawa aktiviti masa senggang yang melibatkan hobi mempunyai hubungan dengan kesejahteraan sosial. Aktiviti-aktiviti di Kafe@teen ada melibatkan hobi dan hal ini mungkin telah meyumbang kepada kemakmuran remaja dalam kajian ini.

Kajian daripada Trainor et al. (2009) mengkaji hubungan antara aktiviti masa senggang dengan kesejahteraan psikologi. Namun, hasil kajian menunjukkan bahawa aktiviti masa senggang tidak berstruktur adalah paling rendah dalam mempengaruhi kesejahteraan psikologi remaja. Oleh itu, Trainor et al. (2009) menyatakan aktiviti masa senggang yang berstruktur berpotensi besar dalam mempengaruhi masa senggang remaja. Hal ini, seiring dengan dapatan Badura et al. (2018) yang mendapati aktiviti masa senggang tidak berstruktur mendedahkan remaja kepada risiko kesihatan. Apabila responden menjalankan aktiviti masa

senggang berstruktur terdapat perubahan minor yang positif kepada diri mereka. Aktiviti masa senggang berstruktur merujuk kepada aktiviti masa senggang yang mempunyai rangka jadual, mempunyai matlamat dan peraturan yang jelas, menumpukan kepada pembangunan kemahiran dan dikawal selia oleh orang dewasa. Ciri-ciri ini jelas menepati aktiviti masa senggang di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN yang mana di sana terdapat rangka jadual seperti pada minggu berikut disenaraikan aktiviti-aktiviti yang ditawarkan kepada remaja, mempunyai matlamat yang jelas dalam membantu remaja berkembang dengan selesa dan tanpa ragu-ragu, menawarkan bimbingan dan pendidikan kepada remaja dan diselia oleh "Teen Educator". Aktiviti masa senggang di Kafe@TEEN memenuhi kriteria aktiviti masa senggang berstruktur yang berpotensi besar menyumbang kepada kemakmuran remaja. Hal ini menjelaskan hubungan yang signifikan antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran.

Dapatan kajian ini juga meyokong teori kesejahteraan PERMA bagi elemen penglibatan. Apabila individu melibatkan diri sepenuhnya dengan memberi sepenuh perhatian kepada aktiviti yang dilakukan ini akan membantu meningkatkan kemakmuran. Remaja yang hadir melibatkan diri di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN adalah secara sukarela. Oleh itu, perkara ini mungkin mendorong mereka dalam memberikan sepenuh perhatian dan tumpuan sepanjang penglibatan mereka di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN dan secara tidak langsung membantu menyumbang kepada kemakmuran mereka.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan adanya hubungan yang signifikan antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan dengan kemakmuran, magnitud hubungan ini adalah rendah ( $r=0.176$ ,  $p=0.04$ ). Hal ini, berkemungkinan mempunyai kaitan dengan pengumpulan data kajian. Semasa pengumpulan data dijalankan, waktu yang dipilih adalah pada musim cuti persekolahan bagi mendapatkan lebih banyak responden bagi kajian ini. Hal ini berikutan pada hari-hari biasa, remaja yang hadir di Kafe@TEEN, Pulau Pinang adalah sedikit dan kebiasaannya adalah individu yang sama. Oleh itu, kemungkinan yang berlaku adalah responden-responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah kebanyakan daripada remaja yang kurang terlibat di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN atau hadir ke Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN, Pulau Pinang pada musim cuti sekolah sahaja. Faktor penglibatan yang lemah turut berpotensi mempengaruhi kekuatan kolerasi di antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN, Pulau Pinang dengan kemakmuran adalah rendah.

Instrumen yang digunakan bagi mengukur penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN, Pulau Pinang adalah dibentuk oleh pengkaji berdasarkan

kesesuaian Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN, Pulau Pinang. Pengukuran penglibatan remaja adalah terhad berdasarkan jawapan responden menyatakan tempoh masa mereka terlibat dengan Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN sekaligus berpotensi mempengaruhi dapatan penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar persekolahan di Kafe@TEEN, Pulau Pinang. Oleh yang demikian, perkara tersebut juga berpotensi menjelaskan kekuatan kolerasi yang rendah di antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN, Pulau Pinang dengan kemakmuran.

Shin dan You (2013) dan Sarriera et al. (2013) menekankan aspek kepuasan aktiviti masa senggang remaja penting dalam mempengaruhi hubungan antara penglibatan masa senggang remaja dengan kemakmuran. Shin dan You (2013), mendapati hubungan antara masa senggang dengan kemakmuran menjadi signifikan apabila kepuasan masa senggang berperanan sebagai pengantara. Justeru, hal ini juga berpotensi menjelaskan kolerasi rendah antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar.

### **Hubungan antara Aktiviti-Aktiviti Kreatif dengan Kemakmuran**

Jadual 4 di bawah menunjukkan analisis kolerasi antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran.

Jadual 4: Analisis Kolerasi antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran

Kolerasi	<i>r</i>	<i>p</i>
Aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran	0.165	0.06

Analisis kolerasi hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran telah dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dengan kemakmuran adalah positif, rendah ( $r = 0.165$ ) dan tidak signifikan ( $p > 0.05$ ). Analisis kolerasi ini menjelaskan bahawa aktiviti-aktiviti kreatif tidak menyumbang kepada kemakmuran.

Dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian lepas yang mendapati aktiviti-aktiviti kreatif seperti melukis, mewarna, mencuba resepi masakan yang baru dan muzik membantu meningkatkan kemakmuran individu (Cornner et al., 2016; Carsley & Heath, 2018; Hamzah, 2016; Utter et al., 2015; Chin & Rickard, 2014). Hal ini berkemungkinan mempunyai kaitan dengan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Instrumen soal selidik bagi ukuran aktiviti-aktiviti kreatif dibentuk oleh pengkaji berdasarkan klasifikasi aktiviti-aktiviti kreatif oleh Conner et al. (2016) dan mengikut kesesuaian aktiviti-aktiviti kreatif yang

dijalankan di Kafe@TEEN, Pulau Pinang. Responden dikehendaki melaporkan kekerapan dalam bentuk bilangan kali mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti kreatif. Oleh itu, analisis penglibatan aktiviti-aktiviti kreatif terhadap jawapan yang diberikan responden berdasarkan ingatan mereka tentang berapa kali mereka pernah melakukan aktiviti-aktiviti yang disenaraikan. Hal ini, boleh mempengaruhi gambaran sebenar penglibatan aktiviti-aktiviti kreatif remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan lantas turut mempengaruhi dapatan kajian ini.

Teori kesejahteraan PERMA dalam elemen penglibatan menyatakan penglibatan dalam aktiviti yang disukai, digemari dan memberi sepenuh tumpuan dan perhatian akan meningkatkan kemakmuran. Namun, dapatan kajian ini menunjukkan aktiviti-aktiviti kreatif fokus kepada penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN tidak menyumbang kepada kemakmuran. Hal ini mungkin juga menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti kreatif yang dijalankan tidak benar-benar disukai oleh peserta. Aktiviti-aktiviti kreatif berkemungkinan besar masih memainkan peranan penting tetapi bukan aktiviti-aktiviti kreatif yang dilakukan di Pusat aktiviti remaja seperti di dalam sampel ini.

### **Hubungan antara Keterikatan Sosial dengan Kemakmuran**

Jadual 5 di bawah menunjukkan analisis kolerasi antara keterikatan sosial dengan kemakmuran.

Jadual 5: Analisis kolerasi antara keterikatan sosial dengan kemakmuran

Kolerasi	<i>r</i>	<i>p</i>
Keterikatan sosial dengan kemakmuran	0.599**	0.00

Nota: Kolerasi adalah signifikan pada tahap 0.01

Hasil analisis kolerasi antara keterikatan sosial dengan kemakmuran adalah positif, sederhana ( $r = 0.599$ ) dan signifikan ( $p < 0.01$ ). Dapatan ini konsisten dengan kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa keterikatan sosial dikaitkan dengan kemakmuran (Eraslan-Capan, 2016; Jose et al., 2012; Abubakar et al., 2014). Eraslan-Capan (2016), telah menjalankan kajian di Turki yang mendapati bahawa keterikatan sosial merupakan salah satu kunci asas yang menyumbang kepada kemakmuran. Seiring dengan itu, Jose et al. (2012) yang menjalankan kajian jangka masa panjang dalam melihat kaitan keterikatan sosial dengan kemakmuran dari masa ke semasa mendapati sekiranya pada masa itu keterikatan sosial responden tinggi maka tahap kesejahteraan juga tinggi. Abubakar et al. (2014), mendapati semua aspek keterikatan sosial yang dikaji (pengaruh ibu

bapa, rakan sebaya, rasa kepunyaan sekolah, agama dan identiti etnik) mempunyai hubungan dengan kemakmuran.

Kafe@TEEN memberi peluang kepada remaja untuk berjumpa dengan kawan-kawan di dalam persekitaran yang Selamat. Apabila responden mengunjungi Kafe@TEEN, mereka berpeluang untuk berjumpa dengan kawan-kawan atau sahabat-sahabat Kafe@TEEN yang lain dan ianya mendorong mereka berasa dekat dengan orang lain lantas menyumbang kepada kemakmuran. Perkara ini turut diperakui oleh Ramli Shabudin, Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan dengan menyatakan “Sertai sahabat Kafe@TEEN dan anda akan menjadi lebih gembira, lebih banyak rakan, kurang musuh dan masalah”.

Seiring dengan perkara yang dibincangkan di atas, Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN boleh dikatakan sebagai platform kepada golongan remaja bagi membina hubungan yang positif. Seligman (2011), dalam teori kesejahteraan menyatakan hubungan yang positif menyumbang kepada kemakmuran. Oleh itu, dapatan kajian ini yang mendapati terdapat hubungan antara keterikatan sosial (hubungan yang positif) dengan kemakmuran menyokong teori kesejahteraan PERMA. Senario di atas, menjelaskan bahawa individu yang mempunyai hubungan yang baik dengan persekitaran sekeliling lebih gembira dan seterusnya menyumbang kepada kemakmuran.

### **Peranan Aktiviti-Aktiviti Kreatif Sebagai Pengantara dalam Hubungan antara Penglibatan di Pusat Aktiviti Remaja Luar Waktu Persekolahan dengan Kemakmuran**

Peranan aktiviti-aktiviti kreatif sebagai pengantara diuji menggunakan perisian SPSS PROCESS versi 3.5 oleh Andrew F. Hayes model 4 dengan menjana sampel sebanyak 5,000 sampel. Analisis menunjukkan, kesan tidak langsung penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran melalui aktiviti-aktiviti kreatif adalah tidak signifikan (95% CI [LL=.00, UL=.00]. Selang kepercayaan berada pada nilai sifar. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti kreatif bukan merupakan pengantara yang signifikan. Jadual 6 di bawah menunjukkan analisis bootstrapping yang dilakukan.



Jadual 6: Analisis bootstrapping peranan aktiviti-aktiviti kreatif dalam hubungan antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar persekolahan dengan kemakmuran

	Anggaran nilai	Nilai Koefisien		BC 95% CI		p
		SE	t	bawah	atas	
Kesan keseluruhan	.00	.00	2.04	.00	.00	.04
Kesan langsung	.00	.00	1.75	.00	.00	.08
Kesan tidak langsung						
Aktiviti-aktiviti kreatif	.00	.00	-	.00	.00	>.05

Nota: SE = standard error (ralat piawai); t = critical ratio (nisbah kritikal); BC = bias corrected (bias diperbetulkan); CI = confident interval (selang kepercayaan)

Dapatan kajian ini tidak konsisten dengan kajian lepas oleh Conner et al. (2016) yang mendapati terdapat kaitan atau hubungan antara aktiviti-aktiviti kreatif dan kemakmuran. Kajian yang dijalankan oleh Conner et al. (2016) menggunakan kaedah diari untuk responden memperincikan aktiviti-aktiviti kreatif yang mereka lakukan manakala kajian ini menggunakan soal selidik dalam ukuran aktiviti-aktiviti kreatif. Penggunaan kaedah kajian yang berbeza berkemungkinan mempengaruhi dapatan kajian dan menjelaskan perbezaan dapatan kajian ini dengan kajian lepas.

Conner et al. (2016), turut menyatakan semakin banyak masa individu melakukan aktiviti-aktiviti kreatif, semakin ianya menyumbang kepada kemakmuran. Dengan erti kata lain, ianya menjelaskan bahawa tahap keterlibatan individu terhadap aktiviti-aktiviti kreatif mempengaruhi kemakmuran individu. Penglibatan responden yang lemah dalam aktiviti-aktiviti kreatif berkemungkinan menerangkan bahawa aktiviti-aktiviti kreatif bukan berperanan sebagai pengantara di dalam konteks kajian ini. Dapatan ini mendapati aktiviti-aktiviti kreatif tidak penting untuk kelompok ini iaitu di dalam konteks Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN.

**Peranan Keterikatan Sosial Sebagai Pengantara dalam Hubungan antara Penglibatan di Pusat Aktiviti Remaja Luar Waktu Persekolahan dengan Kemakmuran**

Analisis bootstrapping yang menguji peranan keterikatan sosial dalam hubungan antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan di Kafe@TEEN di Pulau Pinang dengan kemakmuran menunjukkan keterikatan sosial bukan merupakan pengantara yang signifikan (95% CI [LL=.00, UL=.00]. Ini berikutan, selang kepercayaan berada pada nilai sifar. Jadual 7 di bawah menunjukkan analisis bootstrapping yang dilakukan.

Jadual 7: Analisis bootstrapping peranan keterikatan sosial dalam hubungan antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar persekolahan dengan kemakmuran

	Anggaran nilai	Nilai Koefisien		BC 95% CI		p
		SE	t	bawah	atas	
Kesan keseluruhan	.00	.00	2.04	.00	.00	.04
Kesan langsung	.00	.00	1.22	.00	.00	.22
Kesan tidak langsung						
Aktiviti-aktiviti kreatif	.00	.00	-	.00	.00	>.05

Nota: SE = standard error (ralat piawai); t = critical ratio (nisbah kritikal); BC = bias corrected (bias diperbetulkan); CI = confident interval (selang kepercayaan)

Dapatan ini menjelaskan bahawa penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan tidak memerlukan keterikatan sosial untuk makmur. Kajian lepas mengenai peranan keterikatan sosial dalam hubungan antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan (aktiviti masa senggang) dengan kemakmuran belum dijalankan, namun kajian-kajian lepas lebih tertumpu kepada kajian hubungan antara keterikatan sosial dengan kemakmuran secara khusus. Dapatan ini menjelaskan bahawa keterikatan sosial lebih mempunyai kesan langsung kepada kemakmuran dan konsisten dengan kajian-kajian lepas oleh Jose et al. (2012) dan Abubakar et al. (2014).

**IMPLIKASI KAJIAN**

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN, Pulau Pinang dengan kemakmuran. Hal ini menjelaskan, bahawa masa senggang yang remaja

luangkan bagi aktiviti-aktiviti di luar persekolahan menyumbang kepada kemakmuran. Justeru, kajian ini memberi impak dari segi teori kerana dapatan ini berpotensi menyumbang kepada perkembangan teori kesejahteraan oleh Seligman (2011).

Teori kesejahteraan (Seligman, 2011) menyatakan penglibatan sebagai salah satu elemen yang menyumbang kepada kemakmuran. Pada masa ini, teori kesejahteraan merujuk penglibatan yang menyumbang kepada kemakmuran sebagai aktiviti yang digemari dan disukai individu sahaja. Ini bermakna teori ini tidak menerangkan penglibatan dalam aktiviti yang bagaimana secara spesifik boleh menyumbang kepada kemakmuran. Kajian ini mendapati bahawa aktiviti masa senggang remaja dan di luar waktu persekolahan menyumbang kepada kemakmuran. Oleh itu, kajian ini memberi penjelasan secara spesifik penglibatan dalam aktiviti yang bagaimana akan menyumbang kepada kemakmuran.

Seterusnya, dapatan kajian ini turut menjelaskan bahawa aktiviti-aktiviti kreatif tidak mempunyai hubungan dengan kemakmuran dan tidak berperanan sebagai pengantara. Teori kesejahteraan oleh Seligman (2011) hanya menyatakan penglibatan dalam pelbagai aktiviti digemari individu secara umum boleh menyumbang kepada kemakmuran. Dalam kajian ini, aktiviti-aktiviti kreatif tidak berperanan dalam menyumbang kepada kemakmuran di dalam sampel kajian ini. Aktiviti-aktiviti kreatif menyumbang kepada kemakmuran berlandaskan kepada tahap penglibatan. Oleh itu, tahap penglibatan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kemakmuran seiring dengan teori kesejahteraan yang menjelaskan “flow”.

Dalam kajian ini, keterikatan sosial lebih memberi kesan langsung dalam mempengaruhi kemakmuran berbanding sebagai pengantara. Dapatan kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara keterikatan sosial dengan kemakmuran. Ini menjelaskan bahawa individu yang merasa dekat dan terkait dengan orang sekeliling akan makmur. Teori kesejahteraan oleh Seligman (2011) telah membincangkan bahawa hubungan yang positif sebagai salah faktor penting mendorong kepada kemakmuran. Oleh itu, daripada segi implikasi teori dapatan kajian ini seiring dengan apa yang telah dibincangkan oleh teori kesejahteraan.

Bagi implikasi dari segi praktis, dapatan kajian ini yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan yang berfokuskan satu kajian kes di Kafe@TEEN, Pulau Pinang dengan kemakmuran. Dapatan ini menjelaskan adalah bermanfaat bagi remaja melibatkan diri dengan aktiviti masa senggang terutamanya terlibat di Pusat aktiviti remaja luar persekolahan iaitu Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN bagi meningkatkan kemakmuran. Oleh itu, golongan remaja harus digalakkan terlibat dengan aktiviti-aktiviti tersebut. Selain itu, golongan ibu bapa juga harus

memainkan peranan dalam memberikan peluang untuk para remaja terlibat dengan aktiviti masa senggang terutamanya di Pusat aktiviti remaja. Pihak kerajaan pula boleh menubuhkan lebih banyak Pusat aktiviti remaja seumpama ini.

Kajian ini turut mendapati bahawa aktiviti-aktiviti kreatif tidak mempunyai hubungan dengan kemakmuran dan tidak berperanan sebagai pengantara. Oleh itu, dari segi praktis pihak pengurusan Kafe@TEEN perlu menilai keberkesanan aktiviti-aktiviti kreatif yang dijalankan dan meneliti semula jenis-jenis aktiviti-aktiviti kreatif yang disediakan. Pihak Kafe@TEEN mungkin boleh memperbanyakkan bahan-bahan dan fasiliti bagi mempelbagaikan aktiviti-aktiviti kreatif daripada yang sedia ada bagi menggalakkan penglibatan para remaja terhadap aktiviti-aktiviti tersebut kerana faktor tahap penglibatan terhadap aktiviti-aktiviti ini mempengaruhi kemakmuran.

Di dalam kajian ini, keterikatan sosial didapati mempunyai hubungan dengan kemakmuran tetapi tidak berperanan sebagai pengantara. Hal ini menjelaskan kepentingan keterikatan sosial secara umum kepada golongan remaja di mana ianya tidak terhad kepada penglibatan di Pusat aktiviti remaja sahaja. Oleh itu, daripada segi praktis kajian ini menyarankan agar semua pihak harus memainkan peranan dalam menggalakkan golongan remaja membina hubungan yang baik dengan persekitaran sekeliling mereka kerana ianya menyumbang kepada peningkatan kemakmuran mereka. Sebagai contoh, golongan ibu bapa dan guru harus menjadi contoh dan teladan yang baik dalam memberi didikan dan pengetahuan kepada remaja untuk membina hubungan yang baik dengan orang lain seperti ahli keluarga, rakan-rakan, masyarakat setempat dan lain-lain.

### **LIMITASI KAJIAN**

Terdapat beberapa limitasi dalam kajian ini. Pertama, kajian ini terbatas kepada responden yang terlibat iaitu hanya melibatkan remaja yang berdaftar sebagai sahabat Kafe@TEEN di Pulau Pinang. Oleh itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada sahabat Kafe@TEEN di negeri-negeri lain berikutan penglibatan sahabat Kafe@TEEN di negeri lain mungkin berbeza daripada penglibatan sahabat Kafe@TEEN di Pulau Pinang.

Limitasi kajian yang kedua ialah kajian ini hanya terhad kepada penglibatan remaja di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN sahaja dan ianya tidak boleh digeneralisasikan kepada Pusat aktiviti remaja yang lain di Malaysia. Contoh Pusat aktiviti remaja yang lain ialah seperti Pusat aktiviti remaja *KL Krash Pad* dan pusat pemulihan akhlak.

Seterusnya, limitasi kajian yang ketiga ialah kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan ianya tidak mengkaji kajian ini secara menyeluruh. Sebagai contoh, soalan dalam soal selidik kajian ini tentang aktiviti-aktiviti kreatif yang dilakukan terhad kepada jumlah berapa kali atau kekerapan responden melakukan aktiviti-aktiviti kreatif. Kaedah temubual atau diari berkemungkinan boleh mempunyai maklumat yang lebih terperinci tentang bagaimana aktiviti-aktiviti kreatif dilakukan yang berpotensi mempengaruhi dapatan kajian.

Limitasi kajian yang keempat ialah sampel kajian ini. Responden yang terlibat dalam kajian ini, kebanyakan adalah berbangsa melayu dan hanya terdapat 4 orang yang berbangsa India. Ianya tidak melibatkan kepelbagaian bangsa dalam sampel kajian ini. Limitasi kajian yang terakhir ialah terbatas kepada kejujuran responden semasa menjawab borang soal selidik yang diberikan. Hal ini kerana, setiap jawapan yang ditandakan responden mempengaruhi dapatan kajian. Kejujuran responden dalam menyatakan jawapan yang diperlukan dan menandakan skala berperanan besar bagi pengkaji mencapai objektif kajian yang dikaji.

#### **CADANGAN KAJIAN DI MASA AKAN DATANG**

Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak kajian dalam negara pada masa akan datang mengkaji tentang kemakmuran dalam kalangan remaja berikutan kajian kemakmuran remaja kurang dijalankan di dalam negara berbanding luar negara. Lebih banyak kajian akan datang tentang kaitan antara penglibatan semasa waktu senggang dengan kemakmuran perlu terus dikaji bagi melihat kepentingan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Kajian-kajian akan datang juga digalakkan menggunakan pemboleh ubah atau faktor-faktor lain yang berpotensi seperti keusahawanan sosial mempengaruhi kemakmuran dan secara tidak langsung dapat membantu perkembangan teori kesejahteraan.

Seterusnya, kajian ini turut mencadangkan agar kajian akan datang mengkaji penglibatan masa senggang remaja khusus di Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN dengan kemakmuran di cawangan-cawangan Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN di negeri-negeri lain. Ini bertujuan bagi membolehkan hasil dapatan kajian ini menjadi kayu ukur dalam perbandingan dengan dapatan kajian di cawangan-cawangan Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN yang lain.

Kajian akan datang juga boleh melibatkan kesemua 14 cawangan Kafe@TEEN di Malaysia bagi melihat impak secara lebih menyeluruh dan meluas. Kajian akan datang juga boleh dijalankan di lain-lain Pusat aktiviti remaja. Sebagai contoh Pusat aktiviti remaja *KL Krash Pad* atau pusat aktiviti kanak-kanak (PAKK) boleh dikaji kesannya kepada kemakmuran remaja. Selain itu, dicadangkan agar

kajian akan datang mempelbagaikan kaedah kajian di mana tidak terhad kepada penggunaan soal selidik sahaja, sebaliknya boleh juga menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih meluas. Kepelbagaian sampel kajian juga dicadangkan bagi kajian-kajian akan datang. Ini bermakna kajian-kajian akan datang perlu melibatkan sampel yang terdiri daripada pelbagai kaum.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian menunjukkan kepentingan aktiviti masa senggang dalam mempengaruhi pengalaman hidup golongan remaja dan seterusnya menyumbang kepada kemakmuran. Adalah penting semua pihak memainkan peranan dalam mendorong dan mengalakkan golongan remaja mengisi masa senggang mereka terutamanya terlibat dengan Pusat aktiviti remaja luar waktu persekolahan seperti Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN yang berpotensi membantu meningkatkan kemakmuran mereka. Lebih banyak kajian pada masa akan datang, perlu dijalankan bagi melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada kemakmuran golongan remaja khususnya dalam konteks aktiviti di luar waktu persekolahan. Pusat aktiviti remaja yang menekankan kepada keusahawan sosial boleh menjadi satu aktiviti yang menyumbang kepada kemakmuran remaja. Kajian akan datang boleh meneliti hal ini dengan lebih lanjut. Kajian akan datang juga boleh menggunakan kaedah yang lebih menyeluruh dan pelbagai bagi membolehkan kefahaman yang lebih meluas tentang isu ini dicapai.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pulau Pinang di atas kerjasama yang diberikan dalam menyempurnakan kajian ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada sahabat Pusat aktiviti remaja Kafe@TEEN di atas kesudian mereka mengambil bahagian dalam kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Abubakar, A., Van de Vijver, F. J. R., Mazrui, L., Murugami, M., & Arasa, J. (2014). Connectedness and psychological well-being among adolescents of immigrant background in Kenya. In R. Dimitrova, M. Bender, & F. J. R. Van de Vijver (Eds.), *Global Perspectives on Well-being in Immigrant Families* (pp. 95-114). New York, NY: Springer.
- Abu Bakar, A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11 (1), 1-17.

- Abdul Kadir, N. B., Johan, D., Mohamad Aun, N. S., Ibrahim, N., & Abdullah, H. (2018). Kadar prevalens kemurungan dan cubaan bunuh diri dalam kalangan remaja di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32 (4), 150-158.
- Ahmad, Z., Ahmad, A.R., & Awang, M.M. (2019). Kajian kolerasi kesejahteraan emosi pelajar cemerlang: Signifikasi positif aktiviti senggang. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1), 130 -143.
- Ahmad Sokhaily, M.N., & Ahmad, A. (2019). *Kesejahteraan Sosial Individu Melalui Penglibatan Aktiviti Masa Senggang Pelajar*. Unpublished Manuscript, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ashaari, N. N. S. (2019). Masalah pergaulan bebas dalam kalangan remaja sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2, 38-50.
- Badura, P., Geckova, A.M., Sigmundova, D., Sigmund, E., van Dijk, J.P., & Reijneveld, S.A. (2018). Can organized leisure-time activities buffer the negative outcomes of unstructured activities for adolescents' health?. *International Journal of Public Health*, 63 (6), 743-751.
- Carsley, D., & Heath, N. L. (2018). Effectiveness of mindfulness-based colouring for test anxiety in adolescents. *School Psychology International*, 39(3), 251–272.
- Chin, T. C., & Rickard, N. S. (2014). Beyond positive and negative trait affect: Flourishing through music engagement. *Psychology of Well-Being*, 4(1), 25.
- Conner, T. S., DeYoung, C. G., & Silvia, P. J. (2016). Everyday creative activity as a path to flourishing. *The Journal of Positive Psychology*, 1-9.
- Diener, E., Wirtz, D., Biswas-Dieber, R., Tov, W., Kim-Prieto, C., Choi, D.-w., & Oishi, S. (2009). *New Measures of Well-being*. Dordrecht: Springer Netherlands.
- Eraslan-Capan, B. (2016). Social connectedness and flourishing: The mediating role of hopelessness. *Universal Journal of Educational Research*, 4(5), 933-940.
- Hamzah, S. N. (2016). *Keberkesanan Terapi Seni Lukisan Terhadap Remaja Mangsa Penderaan Seksual*. Sarjana Sains. Universiti Malaysia Terengganu
- Huppert, F. A., & So, T. T. C. (2009). What percentage of people in Europe are flourishing and what characterises them? Paper presented at the OECD/ISQOLS meeting “Measuring subjective well-being: an opportunity for NSOs?”, Florence, Italy.
- Jose, P.E., Ryan, N., & Pryor, J. (2012). Does social connectedness promote a greater sense of well-being over time? *Journal of Research on Adolescence*, 22 (2), 235-251.
- Kern, M. L., Benson, L., Steinberg, E. A., & Steinberg, L. (2016). The EPOCH measure of adolescent well-being. *Psychological Assessment*, 28(5), 586-597.
- Keyes, C. L. M. (2002). The mental health continuum: From languishing to flourishing in life. *Journal of Health and Social Behavior*, 43(2), 207-222.
- Lee, R. M., & Robbins, S. B. (1995). Measuring belongingness: The social connectedness and the social assurance scales. *Journal of Counseling Psychology*, 42, 232-241.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. (2014). Pusat remaja Kafe@TEEN. Retrieved from <http://www.lppkn.gov.my/index.php/perkhidmatan-kesihatanreproduktif/103-kafe-teen-1>

- Noor Din, N. F., & Isam, H. (2019). Penyerlahan identiti remaja kesan ketagihan skrin di media sosial. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33 (1), 70-88
- Preacher, K. J., & Hayes, A. F. (2008). Asymptotic and Resampling Strategies for Assessing and Comparing Indirect Effects in Multiple Mediator Models. *Behavior Research Methods*, 40, 879-891.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu @PRPM (dbp.gov.my)
- Sarriera, J. C., Casas, F., Bedin, L., Paradiso, A.C., Abs, D., & Gonzalez, M. (2013). Aspects of Leisure on Adolescent's Well-Being in Two Countries. *Child Indicators Research*, 7, 245-265.
- Seligman, M. (2011). *Flourish: A Visionary New Understanding Of Happiness And Well-Being*. United States of America: Simon & Schuster.
- Shaari, A.Z., & Kamaluddin, M.R. (2019). Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16 (6), 1-16.
- Shin, K., & You, S. (2013). Leisure Type, Leisure Satisfaction and Adolescents' Psychological Wellbeing. *Journal of Pacific Rim Psychology*, 7, 53-62
- Trainor, S., Delfabbro, P., Anderson, S., & Winefield, A. H. (2009). Leisure activities and adolescent psychological well-being. *Journal of Adolescence*, 33 (1), 173-186.
- Utter, J., Simon, D., Lucassen, M., & Dyson, B. (2015). Adolescent cooking abilities and behaviors: Associations with nutrition and emotional well-being. *Journal of Nutrition Education and Behavior*, 48 (1), 35-41. 10.1016/j.jneb.2015.08.016.
- White, R. L., Parker, P. D., Lubans, D. R., MacMillan, F., Olson, R., Astell-Burt, T., & Lonsdale, C. (2018). Domain-specific physical activity and affective wellbeing among adolescents: an observational study of the moderating roles of autonomous and controlled motivation. *The international journal of behavioral nutrition and physical activity*, 15(1), 87.
- Witten, H., Savahl, S., & Adams, S. (2019). Adolescent flourishing: A systematic review. *Cogent Psychology*, 6 (1).
- Yahya, A., Latif, J. S., Hashim, S., & Boon, Y. (2006). *Psikologi sosial alam remaja*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.